

13 DEC 1996

Lim - AIDS

FIRMA DIMINTA SEDIA KHIDMAT KAUNSELING KEPADA KAKITANGAN

SUBANG JAYA, 13 Dis (Bernama) -- Syarikat-syarikat telah diminta memperluaskan fungsi jabatan sumber manusia supaya meliputi khidmat kaunseling kepada kakitangan yang dijangkiti HIV dan AIDS sebagai sebahagian tanggungjawab korporat.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata majikan tidak seharusnya mengeneipkan kakitangan itu atau mengamalkan diskriminasi terhadap mereka.

Majikan seharusnya peka kepada penderitaan dan keperluan kakitangan berkenaan, kata beliau pada majlis penerimaan Piagam AIDS Malaysia oleh Glaxo Wellcome (M) Sdn Bhd, iaitu syarikat farmasi.

Beliau memberitahu pemberita kemudian bahawa kementerian juga kesal dengan sambutan dingin oleh majikan terhadap seruan untuk mendidik pekerja mengenai perkara yang menyentuh kebajikan, keselamatan dan kesihatan.

Beliau berkata kementerian akan memberi sokongan penuh kepada majikan yang memasukkan pengurusan sumber manusia, program mengenai HIV dan pendidikan AIDS di tempat kerja untuk menyemai kesedaran di kalangan pekerja mengenai perlakuan sihat.

Lim berkata untuk meningkatkan keberkesanan kempen itu, majikan boleh mengadakan program khas seperti "Hari Kesedaran Aids" sebagai sebahagian daripada aktiviti berkenaan.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Marina Mahathir, berkata isu HIV dan AIDS di tempat kerja telah menjadi tajuk perbincangan di kalangan majikan dan pekerja kesihatan di seluruh dunia.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia belum merasai kesan sebenar daripada HIV dan Aids, dan sebab itulah lambat untuk memberi didikan Aids kepada kakitangan mereka.

Yang turut hadiur ialah Pesuruhjaya Tinggi Britain David Joseph Moss, pengarah urusan Glaxo Wellcome Zainal Abidin Majid dan wakil dari kira-kira 100 syarikat. -- BERNAMA

YBK SK FAZ